

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

---

**JNK451/3 – Mechanical Vibration & Automatic Control**  
***Getaran Mekanik & Kawalan Automatik***

Duration : 3 hours  
Masa : 3 jam

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATE:**

**ARAHAN KEPADA CALON :**

Please check that this paper contains **SEVEN (7)** printed pages, **ONE (1)** pages appendix and **SIX (6)** questions before you begin the examination.

*Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **TUJUH (7)** mukasurat bercetak, **SATU (1)** mukasurat lampiran dan **ENAM (6)** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan.*

Answer **FIVE (5)** questions.

*Jawab **LIMA (5)** soalan.*

Appendix/Lampiran :

1. Fundamental Equations in Vibration

[1 page/mukasurat]

Answer all questions in **English OR Bahasa Malaysia.**

*Calon boleh menjawab semua soalan dalam **Bahasa Malaysia** ATAU **Bahasa Inggeris**.*

Start answering each question in a new page.

*Setiap soalan mestilah dimulakan pada mukasurat yang baru.*

- Q1. [a]** Consider the translational vibrations of a small rigid lathe along the cutting direction. A model of this system has a stiffness element  $k = 20 \times 10^6$  N/m, an inertia element  $m = 22.5$  kg, and a damping coefficient  $c = 21205$  Ns/m. Derive the free response of this system for a 5 mm initial displacement and zero intial velocity.

*Pertimbangkan getaran peralihan sepanjang arah potongan sebuah mesin pelarik kecil. Sebuah model bagi sistem ini mempunyai unsur kekakuan  $k = 20 \times 10^6$  N/m, unsur inersia  $m = 22.5$  kg, pekali redaman  $c = 21205$  Ns/m. Terbitkan tindak balas bebas sistem ini bagi anjakan awal 5 mm dan halaju awal sifar.*

(50 marks/markah)

- [b]** An air compressor with a total mass of 100 kg is operated at a constant speed of 2000 rpm. The unbalanced mass is 4 kg and the eccentricity is 0.12 m. The air compressor is mounted such that the damping ratio is 0.15 :
- Determine the spring stiffness the mounting must have so that only 20 percent of the unbalance force is transmitted to the foundation.
  - Amplitude of the transmitted force.

*Sebuah pemampat udara dengan jisim keseluruhan 100 kg dijalankan pada kelajuan malar 2000 psm. Jisim tidak seimbang ialah 4 kg dan kesipian ialah 0.12 m. Pemampat udara diletakkan sebegitu rupa dengan mempunyai nisbah redaman 0.15:*

- Tentukan kekenyalan spring yang diperlukan oleh cagak supaya hanya 20 peratus daripada daya tak seimbang dihantarkan ke tapak.
- Amplitud daya yang terhantar.

(50 marks/markah)

- Q2. [a]** An industrial machine of 300 kg is mounted on a massless support by spring of stiffness 40 kN/m and a damper of unknown damping coefficient. The machine is observed to vibrate with 10 mm-amplitude due to the vibrating support, which has a maximum amplitude of 2.5 mm at resonance.
- Determine the damping constant of the system.
  - Determine the amplitude of the force on the base.

*Sebuah mesin industri dengan nilai jisim 300 kg diletakkan ke atas penyokong tanpa jisim dengan kekakuan 40 kN/m dan peredam yang tidak diketahui nilai pekali redaman. Mesin itu dilihat bergetar dengan amplitud 10 mm disebabkan oleh penyokong getaran, yang mana mempunyai nilai amplitud maksima 2.5 mm pada resonans.*

- Tentukan pekali redaman bagi sistem.
- Tentukan amplitud daya ke atas tapak.

(40 marks/markah)

[b] A motorcycle travels on a road whose profile can be approximated with a sinusoidal function given by Figure Q2[b] where the wavelength  $L$  is 7 m and the amplitude  $Y$  is 2 cm. The equivalent mass of the motorcycle is 100 kg, the spring stiffness is 5 kN/m, and the damping coefficient is 50 Ns/m.

- (i) Determine the speed where the motorcycle has the largest vertical displacement.
- (ii) Determine the amplitude of the vibration if the motorcycle travels at 60 km/h.

*Sebuah motosikal melalui sebatang jalan yang mempunyai profil yang boleh dianggarkan mempunyai fungsi bentuk sinus seperti yang tertera di dalam Rajah S2[b], di mana panjang gelombang  $L$  ialah 7 m dan amplitud  $Y$  ialah 2 cm. Jisim setara bagi motosikal ialah 100 kg, ketegaran spring 5 kN/m, dan pekali redaman 50 Ns/m.*

- (i) Tentukan kelajuan di mana motosikal mengalami anjakan tegak maksima.
- (ii) Tentukan amplitud getaran jika motosikal bergerak dengan laju 60 km/j.




Figure Q2[b]  
Rajah S2[b]

(60 marks/markah)

Q3. [a] A model of a vehicle suspension system is given in Figure Q3[a] with the following properties: mass of car is 2000 kg; mass of tyre is 50 kg; stiffness of car spring is  $10^3$  N/m; and stiffness of tyre is  $10^4$  N/m. Ignore the mass of the car spring.




Figure Q3[a]  
Rajah S3[a]

- (i) Draw free body diagram of  $m_1$  (mass of car) and  $m_2$  (mass of tyre)

Determine:

- (ii) the equations of motions for  $m_1$  and  $m_2$
- (iii) the stiffness matrix and the mass matrix
- (iv) the characteristic equation of the system
- (v) the natural frequencies of the system
- (vi) the amplitude of vibration of the car mass if a harmonic force  $F_t = 0.01 \sin t$  acts on the tyre.

Sebuah model bagi sistem gantungan kenderaan diberikan dalam Rajah S3[a] dengan ciri-ciri berikut: jisim kereta 2000 kg; jisim tayar 50 kg; kekakuan spring kereta  $10^3$  N/m; kekakuan tayar  $10^4$  N/m. Abaikan jisim spring kereta.

- (i) Lukis rajah badan bebas  $m_1$  (jisim kereta) dan  $m_2$  (jisim tayar)

Tentukan:

- (ii) persamaan-persamaan pergerakan bagi  $m_1$  and  $m_2$
- (iii) matriks kakuan dan matriks jisim
- (iv) persamaan ciri
- (v) frekuensi-frekuensi jati sistem.
- (vi) Amplitud getaran jisim kereta jika daya harmonik  $F_t = 0.01 \sin t$  bertindak ke atas tayar.


(70 marks/markah)

- [b] Figure Q3[b] shows a 2-dof system for a dynamic vibration absorber (DVA) where the amplitude of vibration of mass 1,  $X_1$  is to be minimized.

- (i) Sketch the response plot of  $X_1/\delta_{st}$  versus the frequency ratio  $\omega/\omega_1$  where  $\delta_{st}$  is the static deflection of mass 1 and  $\omega_1$  is the natural frequency of the primary system.
- (ii) Based on your sketch in (i), describe one drawback of the DVA.

Rajah S3[b] menunjukkan sistem 2 darjah kebebasan bagi peyerap getaran dinamik di mana amplitud getaran jisim 1,  $X_1$ , akan dikurangkan ke tahap minimum.

- (i) Lakarkan plot sambutan  $X_1/\delta_{st}$  lawan nisbah frekuensi  $\omega/\omega_1$  di mana  $\delta_{st}$  ialah anjakan statik jisim 1 dan  $\omega_1$  ialah frekuensi jati sistem utama.
- (ii) Berdasarkan lakaran anda, terangkan satu kekurangan peyerap getaran dinamik.




**Figure Q3[b]**  
*Rajah S3/b]*

(30 marks/markah)

- Q4.** A control system for accurately controlling the position of a laser cutting beam has a block diagram shown in Figure Q4. The transfer function of the process, controller and feedback are  $G_2(s) = \frac{5}{s+p}$ ,  $G_1(s) = \frac{2}{s+1}$  and  $H(s) = 0.9$  respectively.

Suatu sistem kawalan bagi mengawal posisi satu pancaran memotong laser dengan jitu mempunyai rajah blok seperti ditunjukkan dalam Rajah S4. Rangkap pindah bagi proses, pengawal dan suap-baliknya masing-masing adalah  $G_2(s) = \frac{5}{s+p}$ ,

$$G_1(s) = \frac{2}{s+1} \text{ dan } H(s) = 0.9.$$



**Figure Q4**  
*Rajah S4*

- [a] Find the sensitivity of the system toward the change in the parameter  $p$  when there is no disturbance. Comment on the sensitivity if  $p = 1$  and  $s = -2$ .

*Dapatkan kepekaan sistem terhadap perubahan dalam parameter  $p$  bila tiada gangguan. Komen terhadap kepekaannya jika  $p = 1$  dan  $s = -2$ .*

(30 marks/markah)

- [b] Derive the equation of the system response in time domain when there is no disturbance, the desired response is a unit step function and  $p = 1$ . (Use the given inverse Laplace transform.)

*Terbitkan persamaan sambutan sistem dalam domain masa apabila tiada gangguan, sambutan diingini adalah satu rangkap pelangkah seunit dan  $p = 1$ . (Gunakan penjelmaan Laplace songsang diberikan.)*

$$Y(s) = \frac{\omega_n^2}{s(s^2 + 2\zeta\omega_n s + \omega_n^2)} \Rightarrow y(t) = 1 - \frac{1}{\sqrt{1-\zeta^2}} e^{-\zeta\omega_n t} \sin(\omega_n \sqrt{1-\zeta^2} t + \cos^{-1} \zeta)$$

(40 marks/markah)

- [c] Calculate the steady state response of the system when the disturbance is a unit impulse function and  $p = 1$  (assuming there is no desired response). Comment on the steady state response.

*Kira sambutan keadaan mantap sistem apabila gangguan adalah satu rangkap denyut seunit dan  $p = 1$  (anggap tiada sambutan diingini). Komen terhadap sambutan keadaan mantapnya.*

(30 marks/markah)

- Q5.** A system that controls the air fuel ratio of an automobile engine has a transfer function

*Suatu sistem yang mengawal nisbah udara bahanapi sebuah enjin kereta mempunyai rangkap pindah*

$$T(s) = \frac{b}{(s+p)(s^2+as+b)}$$

- [a] Find the position of the third pole  $p$  for a unit step input if the second order system has the dominant roots with  $a = 6$  and  $b = 9$ .

*Dapatkan posisi kutub yang ketiga  $p$  bagi satu masukan pelangkah seunit jika sistem darjah keduanya mempunyai punca-punca yang dominan dengan  $a = 6$  dan  $b = 9$ .*

(20 marks/markah)

- [b] Calculate the percentage of overshoot for a unit step input if the second order system has the dominant roots with  $a = 6$  and  $b = 9$ .

*Kira peratusan lajakan bagi satu masukan pelangkah seunit jika sistem darjah keduanya mempunyai punca-punca yang dominan dengan  $a = 6$  dan  $b = 9$ .*

(30 marks/markah)

- [c] Find the dominant roots of the second order system by calculating a and b so that the steady state error is 0.1 for a unit ramp input and the settling time (within 5% of the final value) is 0.6 second for a unit step input.

*Dapatkan punca-punca yang dominan bagi sistem darjah keduanya dengan mengira a dan b supaya ralat keadaan mantapnya ialah 0.1 bagi satu masukan tanjakan seunit dan masa penetapannya (dalam 5% nilai akhir) ialah 0.6 saat bagi satu masukan pelangkah seunit.*

(50 marks/markah)

- Q6. A welding head for an automobile body requires a control system for positioning the head. The control system has process transfer function  $G_2(s)$ , controller transfer function  $G_1(s)$  and a unity feedback where  $z = 5$ ,  $p = 4$ ,  $q = 0.5+j3$  and  $r = 0.5-j3$ .

*Sebuah kepala kimpalan bagi sebuah badan kereta memerlukan satu sistem kawalan untuk memposisikan kepalanya. Sistem kawalannya mempunyai rangkap pindah proses  $G_2(s)$ , rangkap pindah pengawal  $G_1(s)$  dan suap-balik seunit yang mana  $z = 5$ ,  $p = 4$ ,  $q = 0.5+j3$  dan  $r = 0.5-j3$ .*

$$G_1(s) = \frac{K}{s+p} \quad G_2(s) = \frac{s+z}{(s+q)(s+r)}$$

- [a] Write the characteristics equation, locate the poles and zeros in the s-plane and determine the number of finite pole, finite zeros and separate loci.

*Tuliskan persamaan cirinya, tentukan lokasi kutub-kutub dan sifar-sifar dalam satah-s dan tentukan bilangan kutub terhingga, sifar terhingga dan londar terasing.*

(30 marks/markah)

- [b] Calculate the center and angles of asymptotes and the angle of departure at the complex poles.

*Kira pusat dan sudut-sudut asymptot-asymtotnya dan sudut berlepas pada kutub-kutub kompleksnya.*

(30 marks/markah)

- [c] Sketch the root locus.

*Lakarkan lodar puncanya.*

(40 marks/markah)